

DATE: 6 JULY 2013
PUBLICATION: SINAR HARIAN
SECTION: BUSINESS
HEADLINE: SONA KUMPUL RM550J
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 257.4 CM²

Sona kumpul RM550j



Dari kiri: Hadian, Pengerusi RHB Investment Bank Bhd, Tan Sri Ong Leong Huat, Andreas van Strijp, dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Investment Bank Bhd, Kong Sool Lin semasa pelancaran prospektus Sona.

CONNIE S MONICAL

SONA Petroleum Bhd (Sona) yang dahulu dikenali Titanium Windfall Sdn Bhd, yakin prospek syarikat itu cerah dengan pelancaran tawaran awam awal (IPO) selaras penyenaian syarikat itu di pasaran utama Bursa Malaysia akhir bulan ini.

Pelaksanaan IPO itu akan melibatkan 1.1 bilion saham baru biasa bernilai RM0.01 sen dan 1.1 bilion waran.

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif Sona, Andreas Van Strijp berkata, menerusi penyenaian IPO itu, syarikat tersebut turut menyasarkan untuk mengumpul sehingga RM550 juta, sekali gus menjangkakan peningkatan permodalan pasaran kira-kira RM705.4 juta.

"Pengumpulan nilai IPO akan

membolehkan Sona membeli syarikat atau aset bagi industri minyak dan gas sebagai salah satu pengambilalihan kami," katanya selepas pelancaran IPO syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, pengambilan itu didorong peningkatan permintaan tenaga jangka panjang yang terus kekal dan dijangka akan memacu peningkatan populasi dan pendapatan dunia, sekali gus membuka peluang perniagaan yang lebih besar kepada syarikat minyak dan gas untuk terlibat dalam pengambilalihan dan operasi.

Sementara itu, Pengarah Urusan Sona Petroleum, Datuk Seri Hadian Hashim berkata, syarikatnya turut mencari peluang untuk membeli syarikat bagi meneroka hasil minyak dan gas di Asia Tenggara dan negara terpilih di Afrika dan Timur Tengah.